


JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (055-066)
**Algospeak dan Kebebasan Bersuara: Strategi Linguistik dalam Menangani
Penapisan Algoritma di Media Sosial X**

Hishamudin Isam

din@uum.edu.my

*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia*

Tarikh terima : 04 Jun 2025
Received
 Terima untuk diterbitkan : 26 September 2025
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Kebebasan bersuara ialah asas demokrasi, namun pelaksanaannya dalam media sosial sering disekat oleh sistem algoritma yang menapis kandungan secara automatik. Di media sosial X, pengguna membangunkan bentuk komunikasi tersirat yang dikenali sebagai algospeak untuk menyampaikan mesej kritikal tanpa dikesan sistem penapisan. Kajian lepas lebih tertumpu kepada aspek undang-undang dan kawalan digital, manakala penggunaan strategi linguistik seperti algospeak masih kurang diterokai. Maka, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan meneliti penggunaan algospeak sebagai strategi bahasa dan wacana pembungkahan kebebasan bersuara dalam ruang digital yang diawasi. Objektif kajian ialah mengenal pasti komen negatif berbentuk algospeak di media sosial, menganalisis bentuk dan strategi linguistik yang digunakan, serta meneliti pembungkahan algospeak sebagai ekspresi kebebasan bersuara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif-pragmatik, berpandukan Teori Implikatur Grice (1975) dan Teori Sensor Automatik dan Algoritma Gillespie (2018). Data dikumpul menggunakan Apify melalui API platform X, berdasarkan kata kunci seperti “b@b!”, “\$und4l” dan “main belakang”. Sebanyak 30 komen dianalisis mengikut tiga kategori. Dapatan menunjukkan pengguna secara kreatif melanggar maksim perbualan untuk menyampaikan makna tersirat dan membungkai algospeak sebagai medium mempertahankan hak bersuara dalam sistem yang dikawal algoritma.

Kata kunci: Algospeak, Kebebasan Bersuara, Strategi Linguistik, Penapisan Automatik, Media Sosial X

***Algospeak And Freedom Of Expression: Linguistic Strategies For Navigating Algorithmic Censorship On
Social Media Platform X***

Abstract

Freedom of expression is a fundamental principle in democratic systems, yet its practice on social media is increasingly limited by automated algorithmic censorship. On platform X, users have developed implicit linguistic strategies, known as algospeak, to convey critical or negative content without detection. While many studies address legal and algorithmic control over online speech, little attention has been given to algospeak as a linguistic tool for digital expression. This study examines the extent to which algospeak functions as both a linguistic strategy and a discursive framing of freedom of expression in algorithm-governed spaces. The study aims to identify negative algospeak-based comments on social media, analyze their linguistic forms and strategies, and explore how they frame user expression as a form of free speech. Using a descriptive-pragmatic qualitative approach, the analysis is grounded in Grice's (1975) Theory of Implicature and Gillespie's (2018) Theory of Algorithmic and Automated Censorship. Data were collected from platform X via the Apify application using structured API access and selected keywords such as “b@b!”, “\$und4l”, and “main belakang”. Thirty comments

were categorized into three thematic groups. Findings show that users manipulate language to bypass content filters, revealing algospeak as a micro-political and expressive strategy for resisting algorithmic suppression.

Keywords: *Algospeak, Freedom of Expression, Linguistic Strategy, Automated Censorship, Social Media X*

1. Pengenalan

Kebebasan bersuara ialah asas penting dalam masyarakat demokratik, yang menjamin hak individu untuk menyatakan pendapat tanpa gangguan atau sekatan daripada pihak berkuasa. Prinsip ini lazimnya dikaitkan dengan kewujudan ruang awam yang bebas dan terbuka, yang membolehkan pelbagai pandangan dilontarkan secara sah (Pitts, 2021). Namun dalam era digital, prinsip tersebut semakin mencabar apabila kawalan komunikasi beralih daripada institusi negara kepada syarikat teknologi. Bobko (2022) menjelaskan bahawa nilai-nilai kebebasan bersuara yang diwarisi dari Barat kini dihadapkan kepada sistem penapisan teknologi yang tidak lagi dikawal oleh undang-undang awam secara langsung, tetapi oleh algoritma korporat.

Pengguna media sosial seperti di platform X, Facebook dan TikTok kini menyuarakan pandangan secara terbuka, pantas dan dalam pelbagai isu seperti politik, agama dan etika. Kebebasan ini sering dilihat sebagai hak mutlak, namun tidak dinafikan ada ketika ia melampaui garis sensitiviti sosial. Gomathy et al. (2024) menegaskan bahawa tanpa mekanisme kawalan yang wajar, kebebasan bersuara boleh disalah guna untuk menyebarkan kebencian atau maklumat palsu. Justeru, banyak platform telah memperkenalkan sistem penapisan berasaskan algoritma bagi menyekat kandungan yang menyalahi garis panduan, namun pendekatan ini turut menimbulkan persoalan tentang ketelusan dan keadilan pelaksanaannya. Seperti dibangkitkan oleh Neuvonen (2022), apabila kuasa penapisan diserahkan kepada syarikat swasta, wacana awam menjadi tidak bebas kerana dikawal logik pasaran dan politik yang tidak tertakluk kepada akauntabiliti terbuka.

Dalam suasana kawalan digital ini, muncul reaksi linguistik daripada pengguna melalui penggunaan *algospeak*, iaitu bentuk bahasa tersirat yang bertujuan mengelak sekatan algoritma. Taktik ini termasuk manipulasi ejaan seperti “bb” bagi “babi”, penggunaan simbol seperti “le\$bean”, atau penggunaan metafora budaya yang menyembunyikan maksud asal. Menurut Klug et al. (2023), penggunaan *algospeak* berkembang selari dengan kesedaran terhadap fungsi algoritma, manakala Gohil dan Smith (2024) pula menyatakan bahawa fenomena ini bukan sahaja mencerminkan kreativiti linguistik, tetapi juga satu bentuk pemerkasaan digital yang mempertahankan hak untuk bersuara dalam sistem yang diawasi secara automatik.

1.1 Permasalahan kajian

Platform media sosial menyediakan ruang ekspresi yang lebih terbuka berbanding media tradisional, namun kawalan algoritma yang mengawasi kandungan digital telah mewujudkan cabaran baharu terhadap hak kebebasan bersuara. Seiring itu, pengguna yang kreatif menggunakan *algospeak*, iaitu manipulasi bentuk bahasa seperti penukaran ejaan dan simbol, bagi mengelak sekatan automatik oleh sistem. Hal ini menimbulkan persoalan besar tentang peranan *algospeak*, adakah ia satu bentuk perlindungan terhadap kebebasan bersuara atau manipulasi terhadap sistem kawalan kandungan? Justeru, terdapat keperluan untuk mengkaji bagaimana *algospeak* digunakan oleh pengguna sebagai satu strategi linguistik dalam mempertahankan hak untuk bersuara, terutama dalam konteks media sosial yang diawasi secara sistematik oleh algoritma.

Di Malaysia, kajian seperti oleh Mohd Azizuddin Mohd Sani (2011, 2013) serta Saidah Fasihah Che Yussoff dan Rohaida Nordin (2021) memberi fokus kepada sejarah, perundangan dan hak asasi kebebasan bersuara, namun tidak menyentuh perubahan strategi komunikasi akibat kawalan algoritma. Fokus kekal pada institusi dan dasar, bukan respons linguistik pengguna. Di peringkat antarabangsa, kajian oleh Shishir Tiwari dan Gitanjali Ghosh (2014), Psychogiopoulou dan Casarosa (2020), McBride dan Mayers (2023), serta Ichwansyah Tampubolon dan Kholidah Kholidah (2024) turut

membincangkan isu kebebasan bersuara dalam konteks sosial dan profesional, tetapi tidak menyentuh bentuk bahasa tersirat. Kajian Paulos dan Çelik (2021) serta Barroso dan Barroso (2023) pula meneliti cabaran seperti ujaran kebencian dan maklumat palsu, namun tidak mengupas strategi seperti *algospeak* yang kini semakin meluas digunakan dalam ruang media sosial.

Perkembangan terkini, sudah terdapat kajian yang mula menyentuh hubungan antara algoritma dan ekspresi pengguna. Kajian oleh Zankova dan Dimitrov (2020), Kouroupis dan Vagianos (2021), Neuvonen (2022) serta Agrawal dan Kapoor (2023), memberi fokus kepada model kawal selia media sosial dan pengaruh algoritma terhadap ruang wacana awam. Sementara itu, penelitian lebih mendalam oleh Riemer dan Peter (2021) misalnya, secara khusus telah membincangkan konsep *algorithmic audiencing* dan mencadangkan perlunya pendekatan baharu dalam memahami kebebasan bersuara di bawah pengaruh algoritma. Kajian-kajian ini memberikan gambaran tentang struktur kuasa digital, namun perbincangan tentang strategi linguistik yang digunakan pengguna sebagai respons masih kabur dan kurang terperinci.

Hasil carian menunjukkan, hanya beberapa kajian terkini yang benar-benar mengangkat isu *algospeak* sebagai fokus utama penelitian. Kajian oleh Klug et al. (2023) contohnya, meneliti isu kesedaran terhadap algoritma yang telah mendorong pengguna TikTok menggunakan *algospeak* untuk menyampaikan mesej yang berisiko disekat. Selain itu, kajian oleh Gohil dan Smith (2024) pula menganalisis bentuk ejaan ubah suai dan penyamaran simbolik sebagai strategi linguistik dalam menghadapi algoritma penapisan kandungan. Walaupun kajian ini menyentuh strategi bahasa, keduanya masih belum diterokai secara menyeluruh dari sudut teori linguistik, khususnya melibatkan kerangka Implikatur Grice oleh (1975) atau membincangkan strategi penyamaran makna secara sistematik dalam konteks komunikasi digital berdasarkan kerangka Sensor Automatik dan Algoritma oleh Gillespie (2018).

1.2 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan yang telah dikemukakan, kajian ini bertujuan mengenal pasti contoh komen negatif yang menggunakan teknik *algospeak* di media sosial (X), menganalisis bentuk dan strategi linguistik yang digunakan dalam komen-komen tersebut dan menjelaskan cara pengguna membingkai penggunaan *algospeak* sebagai bentuk ekspresi kebebasan bersuara dalam komen media sosial.

2. Kosa Ilmu

Kajian tentang kebebasan bersuara sering berlegar dalam wacana berkaitan dasar, undang-undang, sejarah, dan penguatkuasaan kawalan maklumat di pelbagai negara, namun aspek strategi bahasa atau manipulasi linguistik jarang sekali disentuh. Sebagai contoh, Mohd Azizuddin Mohd Sani (2011, 2013) menelusuri sejarah dan konteks perundangan Malaysia yang sarat dengan warisan kawalan autoritarian, di samping menjelaskan bagaimana undang-undang seperti Akta Hasutan dan Seksyen 3(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) digunakan untuk mengawal ekspresi awam. Walaupun begitu, kedua-dua kajian ini lebih memfokuskan kepada aspek struktur dan dasar berbanding reaksi linguistik pengguna terhadap sekatan tersebut. Dalam konteks India, Shishir Tiwari dan Gitanjali Ghosh (2014) menggariskan cabaran undang-undang terhadap kebebasan bersuara pada era media sosial dan menekankan perlunya pembaharuan perundangan, tetapi sekali lagi tanpa memberi perhatian kepada kreativiti linguistik yang mungkin digunakan oleh pengguna untuk mengelak sekatan. Di Eropah, Psychogiopoulou dan Casarosa (2020) mengupas litigasi kes kebebasan bersuara di mahkamah domestik, dengan tumpuan pada keseimbangan antara kebebasan individu dan kepentingan awam, namun masih mengabaikan bentuk komunikasi digital yang bersifat tersirat. Penekanan pada kerangka undang-undang turut dapat dilihat dalam kajian Paulos dan Çelik (2021) serta McBride dan Mayers (2023) yang membincangkan isu kebebasan bersuara dan ujaran kebencian dalam profesion pendidikan, diikuti oleh Barroso dan Barroso (2023) serta Ichwansyah Tampubolon dan Kholidah Kholidah (2024) yang menyoroti dilema keterbukaan media sosial berhadapan risiko penyebaran ujaran kebencian dan maklumat palsu. Walaupun pelbagai konteks dibicarakan, kesemua kajian ini berkongsi kekurangan

yang sama, iaitu ketiadaan perbincangan tentang strategi bahasa kreatif seperti algospeak yang semakin menjadi sebahagian daripada landskap komunikasi digital.

Perhatian terhadap isu penapisan kandungan dan peranan algoritma dalam kawalan komunikasi juga telah menjadi medan wacana yang penting. Zankova dan Dimitrov (2020) membincangkan model kawal selia media sosial di peringkat global, dengan menekankan kebimbangan terhadap kuasa unilateral syarikat teknologi dalam menentukan kandungan yang dibenarkan tanpa mekanisme pemantauan demokratik. Isu yang sama turut disentuh oleh Kouroupis dan Vagianos (2021) yang melihat risiko terhadap hak bersuara apabila kandungan disaring sepenuhnya oleh algoritma tanpa campur tangan manusia, sambil mencadangkan perlindungan hak digital bagi mengelakkan tafsiran automatik yang salah. Dari sudut teori, Riemer dan Peter (2021) memperkenalkan konsep *algorithmic audiencing* bagi menggambarkan bagaimana algoritma bukan sahaja menapis kandungan, tetapi juga menentukan khalayak yang akan menerimanya, manakala Neuvonen (2022) membincangkan ketegangan antara kebebasan bersuara dan keperluan mencegah penyebaran maklumat palsu atau ujaran kebencian. Pendekatan teknikal yang lebih ketara pula dapat dilihat dalam kajian Agrawal dan Kapoor (2023) yang menekankan pemantauan berasaskan kecerdasan buatan untuk mengawal penyalahgunaan media sosial. Walaupun wacana ini menyentuh aspek struktur kawalan digital dengan pelbagai perspektif, hampir kesemuanya mengabaikan bentuk penyesuaian bahasa yang digunakan oleh pengguna untuk mengatasi sekatan automatik tersebut.

Berbeza dengan kajian yang bersifat dasar atau teknikal, terdapat pula penelitian yang secara langsung mengaitkan kebebasan bersuara dengan fenomena algospeak. Klug et al. (2023), misalnya, menunjukkan bahawa kesedaran pengguna terhadap mekanisme algoritma di TikTok mendorong mereka mengubah ejaan perkataan seperti “sex” kepada “seggs” atau menambah simbol tertentu supaya kandungan tidak disekat. Penemuan ini menggariskan bahawa algospeak bukan sahaja berperanan sebagai strategi untuk mengelak penapisan, tetapi juga mencerminkan kreativiti linguistik dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran digital yang dikawal ketat. Dalam kajian lain, Gohil dan Smith (2024) meneliti pelbagai bentuk eufemisme dan kod semantik yang digunakan dalam kandungan pengguna, sambil menekankan peranan algospeak sebagai medium untuk menyampaikan mesej politik tersirat, sekali gus mempertahankan kebebasan bersuara dalam ekosistem digital yang dikawal oleh korporat. Penelitian-penelitian ini memperlihatkan bahawa fenomena algospeak membawa dimensi simbolik yang lebih luas, iaitu sebagai ruang rundingan kuasa antara pengguna dan sistem algoritma.

Berdasarkan keseluruhan sorotan ini, jelas bahawa kajian terdahulu telah membina pemahaman yang mendalam tentang kerangka perundangan, dasar kawalan, dan peranan algoritma dalam membentuk komunikasi digital, namun masih kurang memberi perhatian kepada dimensi mikro iaitu strategi linguistik yang menjadi tindak balas terhadap penapisan digital. Algospeak muncul sebagai salah satu bentuk komunikasi kreatif yang berfungsi bukan sahaja untuk mengelak sekatan, tetapi juga sebagai simbol penentangan dan pemeliharaan kebebasan bersuara. Jurang inilah yang cuba diisi oleh kajian ini, dengan meneliti secara khusus komen negatif yang menggunakan algospeak, menganalisis bentuk dan strategi linguistiknya, serta memahami bagaimana ia dibingkaikan sebagai sebahagian daripada ekspresi kebebasan bersuara di media sosial.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan qualitative descriptive–pragmatic seperti yang diperkenalkan oleh Davis (2023) bagi meneliti bentuk dan strategi linguistik algospeak dalam komen negatif di media sosial serta memahami bagaimana pengguna membingkai penggunaannya sebagai bentuk ekspresi kebebasan bersuara. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan analisis mendalam terhadap penggunaan bahasa dalam konteks sosial yang autentik dan tersirat, khususnya dalam ekosistem digital yang dibentuk oleh kawalan algoritma. Reka bentuk kajian ini merangkumi tiga tahap utama, iaitu pengumpulan data menggunakan API media sosial, penerapan teori linguistik dan media digital, serta penganalisan data berasaskan prinsip analisis tematik dan pragmatik. Pemilihan metodologi ini selaras dengan pandangan Page et al. (2014) yang menegaskan keperluan metodologi linguistik kontekstual dalam kajian media sosial, serta diperkukuh oleh panduan sistematik analisis tematik yang dikemukakan oleh Braun dan Clarke (2022).

Pengumpulan data dilaksanakan menggunakan aplikasi Apify yang mengakses media sosial X (dahulunya Twitter) melalui Application Programming Interface (API). Skrip automatik dibangunkan secara khusus untuk mengekstrak komen pengguna berdasarkan kata kunci yang berpotensi digunakan dalam bentuk algospeak. Kata kunci ini merangkumi pengubahsuaian perkataan kasar seperti “babi”, “sundal” atau “main belakang” yang ditukar menjadi bentuk seperti “b*bi”, “snndl” atau “m@in blkng”. Konfigurasi skrip dihadkan kepada carian dalam bahasa Melayu (Malaysia) sahaja dengan jumlah maksimum 1,000 komen bagi setiap carian. Data yang diperoleh disimpan dalam format CSV dan JSON, sebelum dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel dan NVivo bagi memastikan pengurusan data yang teratur dan konsisten. Pemilihan Apify dan API X didasari keupayaan mengakses data awam secara automatik, sistematik, dan berskala besar, yang menurut Harrell et al. (2024) dapat menjamin keterulangan, ketelusan, dan kesahan metodologi. Pemilihan platform X sebagai sumber data turut disokong oleh pandangan Bruns dan Weller (2016) yang menegaskan peranannya sebagai “draif pertama” kepada wacana sosial kerana sifatnya yang menangkap reaksi spontan pengguna dalam konteks sebenar, sekaligus memberi justifikasi kukuh untuk mengkaji bentuk komunikasi tersirat seperti algospeak.

Dua kerangka teori digunakan untuk menganalisis data, iaitu Teori Implikatur oleh Grice (1975) dan Teori Sensor Automatik dan Algoritma oleh Gillespie (2018). Teori Implikatur menjelaskan bahawa mesej tidak selalu disampaikan secara literal, tetapi boleh disiratkan melalui pelanggaran prinsip perbualan seperti maksim kejelasan, kuantiti, dan relevansi. Dalam konteks kajian ini, pengguna media sosial menyampaikan mesej negatif dengan memanipulasi ejaan, menggantikan huruf dengan simbol, atau menggunakan kod budaya dan metafora, contohnya “b*bi” atau “m@in blkng”. Teori ini menjadi asas dalam mengenal pasti komen yang mengandungi algospeak serta menganalisis bentuk dan strategi linguistiknya. Sementara itu, Teori Sensor Automatik dan Algoritma memberikan kerangka untuk memahami persekitaran digital yang dikawal oleh sistem penapisan automatik. Kandungan yang dianggap melanggar piawaian ditapis atau dipadam melalui pengesanan berasaskan kata kunci, dan pengguna bertindak balas dengan membangunkan strategi komunikasi yang dapat menyesuaikan diri dengan kawalan tersebut sambil mempertahankan hak bersuara mereka.

Penganalisan data bagi menjawab objektif pertama dan kedua bermula dengan proses pengkodan terbuka (*open coding*) terhadap 30 komen yang telah dikumpulkan, diikuti pengelompokan mengikut tema dominan seperti perumpamaan haiwan, anggota tubuh atau hasil tubuh, dan perbuatan mengaibkan. Setiap komen dianalisis berdasarkan struktur linguistik, gaya penulisan, dan bentuk modifikasi kata. Prinsip Teori Implikatur oleh Grice (1975) digunakan untuk mengenal pasti pelanggaran maksim yang disengajakan, manakala analisis tematik berpandukan panduan Braun dan Clarke (2022) digunakan untuk mengenal pasti pola strategi linguistik yang berulang. Kesahan dapatan disahkan melalui proses triangulasi penyelidik bagi memastikan ketepatan kod dan tema yang diperoleh. Bagi menjawab objektif ketiga, data dianalisis secara naratif dan interpretatif untuk memahami bagaimana pengguna membingkai penggunaan algospeak sebagai ekspresi kebebasan bersuara. Analisis memfokuskan kepada komen yang memperlihatkan kesedaran terhadap sekatan algoritma, termasuk bentuk protes simbolik terhadap kawalan platform atau wacana tersirat mengenai hak bersuara. Teori Gillespie (2018) digunakan sebagai panduan untuk meneliti hubungan antara pengguna dan sistem algoritma, dengan memberi tumpuan kepada algospeak sebagai strategi penyesuaian kreatif yang juga berfungsi sebagai bentuk pemeriksaan digital.

Dengan perancangan metodologi yang sistematik, penggunaan data yang sahih, dan penerapan kerangka teori yang relevan, kajian ini diyakini mampu mencapai objektif yang telah digariskan. Prosedur analisis yang teliti dan berlapis memastikan dapatan yang diperoleh mempunyai asas yang kukuh dan boleh dipertanggungjawabkan. Secara keseluruhannya, kajian ini berpotensi memberikan sumbangan ilmiah yang bermakna terhadap wacana linguistik digital, khususnya dalam memahami algospeak sebagai fenomena komunikasi yang lahir daripada interaksi kompleks antara pengguna, bahasa, dan sistem kawalan algoritma.

4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian yang membincangkan komen negatif serta bentuk dan strategi linguistik (menjawab objektif pertama dan kedua) dan bahagian yang membincangkan pembungkuan penggunaan algospeak sebagai bentuk ekspresi kebebasan bersuara (menjawab objektif ketiga).

a. Komen Negatif Serta Bentuk dan Strategi Linguistik

Hasil kajian ini melibatkan analisis terhadap 30 komen pengguna media sosial yang mengandungi mesej berbau negatif namun disampaikan secara terselindung melalui penggunaan prinsip algospeak. Kesemua komen ini dikategorikan kepada tiga kumpulan utama berdasarkan tema bahasa yang digunakan, iaitu perumpamaan haiwan, anggota tubuh atau hasil tubuh, serta perbuatan yang mengaibkan atau mengandungi unsur seksual tersirat.

Komen-komen ini memperlihatkan dua unsur utama yang dianalisis dalam kajian ini. Unsur pertama ialah bentuk linguistik, merujuk kepada ciri-ciri bahasa yang digunakan seperti pengubahsuaian ejaan, penggunaan simbol, penghasilan metafora, dan struktur ayat yang menyimpang daripada bentuk literal. Unsur kedua ialah strategi linguistik, iaitu cara makna disampaikan secara tersirat. Strategi ini dianalisis berdasarkan Teori Implikatur oleh Grice (1975), yang menerangkan bahawa makna tersirat atau implikatur wujud apabila penutur melanggar salah satu daripada empat maksim perbualan, iaitu maksim kuantiti, kualiti, hubungan, dan cara. Walaupun maksim dilanggar, pendengar atau pembaca masih dapat memahami maksud sebenar berdasarkan konteks dan pengetahuan bersama yang dikongsi. Pendekatan ini membolehkan analisis mendalam terhadap cara pengguna media sosial menyampaikan komen negatif secara tersembunyi, namun tetap dapat difahami oleh khalayak sasarannya.

Kategori 1: Perumpamaan Haiwan

Hasil analisis menemukan begitu banyak contoh komen yang menggunakan perumpamaan haiwan dengan mengaplikasi kaedah algospeak untuk mengelak sekatan. Berikut disertakan 10 contoh yang paling menonjol.

1. Kau memang dasar b@b! jantan, tak tahu malu langsung.
2. Asal kau buka mulut je, bunyi mcm 🐶 menyalak.
3. Nak tegur orang pun, perangai sendiri mcm l3mbu.
4. Dia ingat dia cerdik sgt, padahal otak k0n0n b@bi akademik.
5. Mana tak huru-hara, bila banyak b*atang boleh pegang kuasa.
6. Sumpah, perangai mcm bb celup sains sosial.
7. Aku tengok gaya dia komen tu, confirm baka 🐱 elit.
8. Satu Malaysia tahu kau tu lidah l3mbu makan dedak.
9. Suara bising tu macam kucIn? ku/rap nak lawan serigala.
10. Jangan pelik kenapa rakyat meluat. penuh anjlng penjilat di parlimen.

Bentuk linguistik dalam kategori perumpamaan haiwan menunjukkan kebijaksanaan pengguna media sosial dalam mengubah suai bahasa bagi menyampaikan mesej berunsur negatif secara tersembunyi. Salah satu ciri utama ialah penggunaan ejaan ubah suai dan simbolik, apabila perkataan sensitif seperti “babi,” “anjing,” dan “lembu” diolah menjadi bentuk samaran “b@b!,” “anjlng,” atau “l3mbu.” Selain itu, pengguna juga menggantikan perkataan asal dengan emoji berupa simbol anjing 🐶 dan babi 🐱, yang membawa makna serupa tetapi mengelak daripada pengesanan sistem penapisan automatik. Penggunaan metafora turut dikesan apabila haiwan tertentu dijadikan lambang penghinaan (kucIn? ku/rap – kukcing kurap), menggambarkan seseorang sebagai tidak bermoral, tidak cerdik atau sebagai pengikut yang tidak berfikir secara rasional. Semua bentuk ini digunakan secara tersirat untuk menyampaikan makna yang jelas kepada khalayak yang memahami kod tersebut.

Strategi linguistik dalam komen ini dapat dijelaskan melalui Teori Implikatur Grice (1975) yang menekankan bagaimana makna tersirat terhasil apabila prinsip komunikasi dilanggar dengan sengaja. Pengguna sering melanggar maksim kualiti apabila menyamakan manusia dengan haiwan, yang secara literal tidak benar, namun difahami oleh pembaca sebagai bentuk penghinaan. Pelanggaran maksim cara juga berlaku apabila bentuk ejaan diubah secara kreatif sehingga mesej kelihatan tidak jelas secara langsung tetapi mudah ditafsir berdasarkan pengetahuan bersama dalam kalangan pengguna. Kesan daripada pelanggaran ini melahirkan implikatur, iaitu makna tersirat yang difahami walaupun mesej disampaikan secara tidak langsung dan teknikalnya kelihatan kabur. Pendekatan ini membolehkan mesej negatif disampaikan dengan selamat dalam ruang digital yang dikawal oleh algoritma.

Kategori 2: Anggota Tubuh / Hasil Tubuh

Berikut disertakan pula 10 komen paling menonjolkan mengaplikasikan penggunaan algospeak yang menjelaskan anggota tubuh atau hasil dari tubuh.

11. Semua hujah dia tu keluar dari b0nt0t, bukan otak.
12. Asyik tayang 'tet3k' digital, ingat semua nak tengok ke?
13. Boleh nampak jelas dia fikir pakai pungg0ng, bukan akal.
14. Kau ni jenis makan t@h1 lepas tu ajak orang bersih.
15. Mulut macam longkang – penuh naj!s tapi pandai berteori.
16. Perempuan jenis ni memang spesis p3r4ngai celah k3t3iak.
17. Tertelan lud@h sendiri, tapi masih berlagak alim.
18. Hati hitam pekat, busuk macam b*nt0t kambing.
19. Boleh rasa bau t@i politik dari komen kau.
20. Komen kau tu macam k3nt0t. senyap tapi menyakitkan.

Bentuk linguistik dalam kategori anggota tubuh dan hasil tubuh menunjukkan kecenderungan pengguna media sosial menyampaikan penghinaan secara kreatif dengan menggunakan unsur tubuh manusia. Antara teknik yang dikenal pasti termasuk penggunaan ejaan fonetik dan simbolik seperti penulisan “bontot,” “tahi,” dan “tetek” sebagai “b0nt0t,” “t@h1,” atau “tet3k.” Perkataan ini dikaburkan secara visual tetapi tetap mudah dikenali oleh pembaca. Selain itu, tubuh manusia digunakan secara metafora untuk menyampaikan makna kehinaan atau kebodohan, seperti frasa “fikir pakai pungg0ng” yang merujuk kepada kelemahan intelektual. Gabungan unsur yang menjijikkan seperti najis atau organ sulit dengan kata kesat menunjukkan usaha untuk menjatuhkan imej seseorang melalui bahasa yang sinis dan provokatif.

Strategi linguistik dalam komen jenis ini dapat dianalisis menggunakan Teori Implikatur Grice (1975) yang menekankan pelanggaran maksim perbualan sebagai asas bagi penghasilan makna tersirat. Pelanggaran terhadap maksim cara berlaku apabila ejaan diubah dengan campuran huruf dan nombor, menjadikan mesej tidak jelas secara langsung, tetapi tetap difahami oleh pembaca yang berkongsi norma linguistik yang sama. Pelanggaran maksim kualiti pula berlaku apabila kenyataan seperti “fikir pakai pungg0ng” digunakan, kerana mesej ini tidak benar secara literal tetapi membawa makna bahawa individu tersebut kurang cerdas. Terdapat juga pelanggaran maksim hubungan apabila penggunaan anggota tubuh tidak berkaitan langsung dengan topik perbincangan, tetapi digunakan untuk membentuk sindiran terhadap kredibiliti atau akal seseorang. Dalam semua keadaan ini, makna tersirat dapat difahami hasil daripada pengetahuan bersama dalam komuniti pengguna, yang menafsir mesej berdasarkan budaya bahasa yang dikongsi.

Kategori 3: Perbuatan Mengaibkan / Seksual Tersirat

Seterusnya disertakan 10 lagi contoh komen yang memperlihatkan kata sifat atau tindakan yang memalukan, bernada lucah atau menghina, disamarkan dengan ejaan ubah suai atau simbolik.

21. Baju singkat, kapsyen ‘deep’ — modus si \$und4l akademik.
22. Dia ni t0xic g!rl — luar nampak sopan, dalam g!g!h cari sugar.
23. Satu-satunya kemahiran dia: pandai m@in belakang dan cucuk dari dalam.
24. Dulu jual maru@h, sekarang jual prinsip.
25. Satu-satunya benda yang dia pegang teguh: m4l4m-malam cari ‘networking’.

26. Boleh tahan g@t@l komen kat semua lelaki ada pangkat.
27. Lelaki macam tu suka nampak 'independent girl' tapi last-last fallback kat g3d!k.
28. Hari siang serang orang, malam serang bilik cari fugg.
29. Tak tahu beza antara b3bas bersuara dengan bebas berahi.
30. Asal ada isu, dia muncul. dah mcm s3xual opportunist.

Bentuk linguistik dalam kategori perbuatan mengaibkan atau seksual tersirat memperlihatkan kerumitan penggunaan bahasa yang dibina untuk menyindir secara halus. Pengguna media sosial menyampaikan mesej dengan mengubah ejaan perkataan lucah atau kasar kepada bentuk tersamar seperti “\$und4l,” “g@t@l,” atau mengekalkan ungkapan seperti “main belakang” yang mengandungi konotasi seksual. Selain itu, sindiran sosial turut digunakan melalui frasa seperti “gigih networking malam,” “jual prinsip,” dan “s3xual opportunist” yang kelihatan sopan tetapi membawa makna sinis berkaitan eksploitasi diri atau moral. Komen-komen ini sering bersifat berlapis, kerana ayat yang digunakan boleh ditafsir secara literal atau konotatif. Maksud tersirat ini biasanya difahami berdasarkan pengetahuan budaya bersama yang dikongsi oleh pengguna, menjadikan bahasa tersebut alat sindiran yang kuat walaupun tidak bersifat eksplisit.

Strategi linguistik yang digunakan dalam komen-komen ini dapat dijelaskan melalui Teori Implikatur oleh Grice. Pelanggaran terhadap maksim kuantiti dan hubungan berlaku apabila penutur tidak menyatakan secara terus terang perlakuan yang tidak bermoral, namun memberikan cukup petunjuk untuk pembaca membuat inferens. Makna sebenar dibina melalui konteks, bukan isi literal. Pelanggaran maksim kualiti pula muncul dalam penggunaan frasa seperti “networking malam” yang tampak neutral, tetapi difahami secara negatif apabila dibaca dalam konteks sosial tertentu. Pelanggaran maksim cara turut berlaku apabila simbol atau kod sosial seperti “sugar” atau “main belakang” digunakan tanpa penjelasan literal, tetapi tetap dapat ditafsir secara tepat oleh pembaca yang memahami kod budaya berkenaan. Implikatur yang terhasil menjadikan komen-komen ini sukar dikesan oleh sistem penapisan automatik, namun tetap berfungsi sebagai mesej sindiran yang jelas dalam kalangan pengguna manusia.

Sebagai rumusan dapatan, penggunaan *algospeak* dalam komen negatif membuktikan bahawa pengguna media sosial secara aktif memanipulasi bahasa untuk menyampaikan mesej tersirat yang sukar dikesan oleh sistem penapisan automatik. Analisis terhadap ketiga-tiga kategori komen iaitu perumpamaan haiwan, rujukan kepada anggota tubuh, dan perbuatan mengaibkan memperlihatkan wujudnya strategi linguistik yang konsisten dalam kalangan pengguna. Sama seperti dapatan kajian M. S. Nik Puteri Fatin Nor'ain dan Maslida Yusof (2024), antara strategi yang dikenal pasti termasuk pemutarbalikan bentuk perkataan melalui ejaan simbolik, penerapan metafora yang merujuk kepada rujukan budaya, serta penciptaan frasa yang mengandungi makna berlapis dan penuh ambiguiti.

Melalui penerapan Teori Implikatur oleh Grice (1975), pelanggaran terhadap prinsip perbualan dikenal pasti dilakukan secara sengaja untuk membentuk makna tersirat yang tidak dapat difahami secara literal. Makna sebenar mesej hanya dapat ditafsir dengan tepat apabila pembaca berkongsi latar budaya dan pengetahuan bersama yang digunakan dalam komuniti tersebut (Fatin Hakimah Mohammad Fadzil et al., 2024). Penemuan ini menunjukkan bahawa *algospeak* bukan sekadar kaedah teknikal untuk mengatasi kawalan algoritma, malah mencerminkan penggunaan bahasa yang kompleks dari segi pragmatik dan sociolinguistik. Pengguna media sosial bukan sahaja menyesuaikan diri dengan sistem yang mengawasi kandungan, malah membentuk gaya komunikasi tersendiri yang memperkukuh mesej kritikal dalam ruang digital yang dikawal.

b. Pembungkahan Penggunaan Algospeak Sebagai Bentuk Ekspresi Kebebasan Bersuara

Penggunaan *algospeak* dalam komen negatif bukan sekadar merupakan bentuk penyesuaian linguistik, tetapi juga satu tindakan wacana yang membungkahan semula sempadan kebebasan bersuara dalam ruang digital yang dikawal oleh algoritma. Berdasarkan analisis terhadap 30 komen, pembungkahan ini dapat dikesan melalui corak pemilihan bentuk linguistik dan strategi komunikasi yang digunakan oleh penutur. Hal ini boleh dijelaskan melalui Teori Sensor Automatik dan Algoritma oleh Gillespie (2018),

yang menyatakan bahawa algoritma penapisan kandungan berfungsi sebagai satu bentuk "kuasa senyap" yang membentuk bagaimana pengguna berbahasa, berfikir, dan berinteraksi dalam platform digital.

Menurut Gillespie (2018), sistem penapisan automatik bukan sahaja menghapuskan kandungan, tetapi mengubah struktur peluang untuk bercakap, yang akhirnya memaksa pengguna untuk menyesuaikan ekspresi agar selamat daripada sekatan. Dalam konteks ini, algospeak menjadi satu bentuk penyesuaian strategik terhadap kuasa algoritma, dan pada masa yang sama, membolehkan pengguna membingkai tindakan mereka sebagai ekspresi kebebasan bersuara.

Kategori perumpamaan haiwan memperlihatkan penggunaan algospeak sebagai bentuk protes sosial tersirat. Metafora haiwan seperti "b@b!", "anj1ng" atau "l3mbu" bukan sahaja digunakan sebagai bentuk penghinaan, tetapi juga sebagai alat untuk menyuarakan ketidakpuasan terhadap individu berkuasa atau institusi berautoriti yang dianggap menyalah guna kuasa. Dalam banyak komen, bahasa seperti ini digunakan untuk menyalurkan kritik terhadap tokoh politik dan kelompok sosial dominan. Mengikut kerangka yang dikemukakan oleh Gillespie (2018), apabila algoritma mula berperanan sebagai pengawal utama kandungan, pengguna akan membentuk ruang alternatif bagi menyuarakan pandangan yang tidak selari dengan norma platform. Dalam konteks ini, algospeak membolehkan mesej sindiran politik atau kritik sosial disampaikan dalam bentuk yang tidak eksplisit tetapi tetap difahami oleh komuniti. Contohnya, frasa seperti "Aku tengok gaya dia komen tu, confirm baka 🐶 elit" yang ditulis bersama emoji haiwan membawa maksud bahawa tokoh tersebut melambangkan kekuasaan kotor atau penindasan, tetapi disampaikan melalui gaya bahasa yang menyelitkan unsur humor dan rujukan budaya. Bentuk ini menunjukkan wujudnya usaha pengguna untuk menyeimbangkan antara hak bersuara dan keperluan mengelak tapisan algoritma.

Selain itu, kategori anggota tubuh dan hasil tubuh memperlihatkan penggunaan algospeak sebagai bentuk perlawanan simbolik terhadap norma kebersihan bahasa yang ditetapkan oleh sistem digital. Dalam kategori ini, komen-komen menggunakan metafora fizikal, bertujuan menyerang aspek intelektual, moral atau kredibiliti individu. Contohnya, frasa seperti "fikir pakai b0nt0t" atau "mulut bau t@hl" membawa makna yang kasar dan sinis, namun dirumus dalam bentuk yang dapat melepasi sekatan automatik. Berdasarkan kerangka Gillespie (2018), sistem algoritma bukan sekadar menapis kandungan sensitif, malah memaksa pengguna mematuhi standard kesopanan yang dibina oleh mekanisme platform. Dalam konteks ini, algospeak muncul sebagai bentuk penentangan terhadap norma bahasa dominan yang bersifat homogen dan dikawal oleh mesin. Bahasa yang dianggap tidak sopan disamarkan melalui ejaan kreatif dan simbolik, yang membolehkan pengguna mengekspresikan rasa tidak hormat atau kemarahan tanpa dikenakan hukuman. Contohnya, dengan menyembunyikan kata seperti "t@hl," pengguna menyampaikan mesej bahawa mereka menolak untuk dibentuk oleh sistem dan tetap menyuarakan rasa secara berani dalam bentuk yang tidak dapat dikenakan tindakan. Bentuk ini mencerminkan strategi linguistik yang bukan sahaja bertujuan menyampaikan makna, tetapi juga mempertahankan identiti dan ekspresi budaya dalam ruang digital yang dikawal.

Kategori perbuatan mengaibkan dan seksual tersirat pula memperlihatkan algospeak digunakan sebagai strategi untuk mempertahankan hak menyuarakan kebenaran yang sering disembunyikan oleh wacana moral dominan. Komen seperti "jual prinsip," "networking malam," atau "\$und4l akademik" tidak sekadar berfungsi sebagai penghinaan, tetapi menjadi kritikan terhadap kepura-puraan moral, penyalahgunaan kuasa, dan hipokrisi yang berlaku dalam konteks profesional, politik atau sosial. Bahasa yang digunakan disusun secara tersirat agar dapat menyampaikan mesej yang berani tetapi tetap melindungi penutur daripada tindakan penguatkuasaan automatik. Mengikut kerangka Gillespie (2018), algoritma platform mencipta suasana pengawasan dan ketakutan yang menyebabkan pengguna beralih kepada kiasan sebagai saluran untuk menyampaikan isu sensitif. Dalam konteks ini, algospeak bukan hanya bertujuan untuk menyindir atau mengejek, tetapi juga menjadi alat yang digunakan untuk mendedahkan realiti yang sengaja dilindungi. Contohnya, frasa "m4l4m-malam cari 'networking'" membawa makna yang tersirat mengenai kelakuan tidak bermoral, tetapi cukup kabur untuk melindungi penutur daripada hukuman. Strategi ini membentuk algospeak sebagai sejenis tindakan membongkar atau pendedahan, satu bentuk keberanian linguistik yang berusaha mengekalkan hak untuk bercakap benar dalam ekosistem digital yang penuh kawalan.

Sebagai rumusan bagi dapatan objektif ketiga, penggunaan algospeak oleh pengguna media sosial melangkaui sekadar usaha untuk mengelak sekatan kandungan. Sebaliknya, ia dibingkai sebagai satu bentuk pernyataan hak kebebasan bersuara, lahir daripada kesedaran terhadap batas teknikal yang dikenakan oleh algoritma platform. Pengguna bertindak balas dengan membentuk strategi bahasa yang bersifat kreatif, tersirat, namun tetap sarat dengan makna dan kekuatan mesej. Perkembangan ini turut berkait rapat dengan perubahan landskap sosiolinguistik semasa, di mana budaya digital yang pantas berubah mendorong pembentukan identiti komuniti melalui simbol, kod, dan variasi ejaan yang unik. Faktor seperti globalisasi bahasa internet, pengaruh budaya meme, interaksi antara komuniti berbilang bahasa, serta peningkatan kesedaran terhadap hak kebebasan bersuara, telah memperkukuh kedudukan algospeak sebagai medium simbolik penentangan terhadap hegemoni kuasa digital. Komen-komen yang dianalisis menunjukkan bahawa penyamaran ejaan, penggunaan metafora budaya, dan pembinaan frasa berlapis bukan sekadar strategi linguistik, tetapi juga penegasan identiti dan solidariti dalam ruang digital yang diawasi secara ketat.

Melalui gabungan kerangka Teori Implikatur oleh Grice (1975) dan Teori Sensor Automatik dan Algoritma oleh Gillespie (2018), algospeak dapat difahami secara mendalam sebagai fenomena linguistik abad ini. Teori Implikatur membolehkan analisis terhadap makna tersirat yang muncul daripada pelanggaran maksim perbualan, sementara teori Gillespie memberi gambaran tentang struktur kuasa algoritma yang membentuk cara pengguna berbahasa. Kedua-dua kerangka ini memperlihatkan bahawa algospeak adalah bentuk penyesuaian strategik yang membolehkan mesej kritikal disampaikan tanpa perlu berhadapan dengan hukuman sistem. Dalam konteks ini, algospeak berfungsi sebagai pembelaan digital yang halus tetapi signifikan, mencerminkan pertembungan antara kawalan platform dan aspirasi pengguna untuk kekal bersuara. Ia tidak hanya wujud sebagai fenomena linguistik, tetapi juga sebagai alat wacana politik mikro yang mencerminkan dinamika kuasa, kebudayaan digital, dan perjuangan untuk mengekalkan kebebasan bersuara dalam ruang komunikasi yang semakin dikawal.

5. Kesimpulan

Keseluruhan dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa algospeak dalam media sosial X bukan sekadar cerminan kreativiti linguistik, tetapi juga satu bentuk tindak balas strategik terhadap sistem penapisan automatik. Fenomena ini menunjukkan kebolehan pengguna untuk memanipulasi bahasa bagi mengekalkan ruang bersuara walaupun berada dalam ekosistem digital yang dikawal ketat oleh algoritma. Mekanisme penapisan yang dilaksanakan oleh platform media sosial sering kali berfungsi bukan sahaja untuk menapis kandungan yang dianggap melanggar garis panduan, tetapi juga untuk membentuk pola komunikasi pengguna. Dalam situasi ini, algospeak berperanan sebagai alat yang membolehkan mesej terus disampaikan tanpa melanggar had teknikal yang ditetapkan. Keupayaan untuk menyesuaikan bahasa ini mencerminkan daya tahan linguistik, iaitu kemampuan bahasa untuk bertindak balas terhadap batasan teknologi dengan menghasilkan bentuk baharu yang berfungsi dalam konteks kawalan digital.

Penggunaan algospeak jelas melangkaui fungsi teknikal sebagai mekanisme mengelak sekatan, kerana ia telah berkembang menjadi medium ekspresi alternatif yang membolehkan penyampaian makna, sindiran, dan kritikan secara halus tetapi berkesan. Strategi seperti manipulasi ejaan, penggunaan simbol, emoji, dan kod budaya bukan sahaja mengaburkan maksud daripada sistem penapisan automatik, tetapi juga membina identiti dan solidariti dalam kalangan komuniti digital. Dalam banyak keadaan, bentuk bahasa ini menjadi penanda keahlian dan keterlibatan dalam komuniti yang sama, di mana pemahaman terhadap kod linguistik tersebut menjadi bukti keterikatan terhadap norma dan nilai bersama. Dalam konteks ini, penyesuaian bahasa tidak sekadar dilihat sebagai tindak balas terhadap kawalan algoritma, tetapi juga sebagai bentuk resistansi halus terhadap kuasa penapisan yang bersifat struktural. Penemuan ini turut disokong oleh dapatan Ungless et al. (2024), yang mendapati pengguna media sosial dalam komuniti minoriti mencipta bentuk bahasa tersirat untuk mengelak sekatan, serta oleh kajian Barroso dan Barroso (2023) yang menekankan bahawa penyesuaian bahasa dalam ruang digital perlu dilihat sebagai bentuk penentangan terhadap kawalan maklumat yang tersusun.

Akhirnya, algospeak perlu difahami bukan sahaja sebagai fenomena linguistik digital, tetapi juga sebagai simbol pertembungan antara kreativiti pengguna dan kuasa algoritma. Fenomena ini mengesahkan bahawa bahasa sentiasa bersifat adaptif, mampu bertahan dan terus berfungsi walaupun berhadapan dengan halangan teknologi yang semakin kompleks. Dalam konteks komunikasi digital yang dikawal secara sistematik, algospeak memperlihatkan bagaimana pengguna dapat membentuk ruang wacana alternatif yang mengimbangi keperluan mematuhi garis panduan platform dengan keinginan untuk mengekalkan kebebasan bersuara. Keupayaan ini memperkukuh kedudukan algospeak sebagai medium resistansi halus yang menggabungkan fungsi linguistik, nilai budaya, dan aspirasi politik dalam satu bentuk komunikasi yang berlapis makna, sekaligus menandakan peranan pentingnya dalam landskap komunikasi abad ke-21.

Rujukan

- Agrawal, V., & Kapoor, U. (2023). The emerging need to control freedom of speech in regards to social media. *International Journal of Scientific Research in Engineering and Management*, 7(3), 1-11.
- Barrosoa, L. R., & Barroso, L. B. (2023). Democracy, social media, and freedom of expression: Hate, lies, and the search for the possible truth. *Chicago Journal of International Law*, 24(1), 53-70. <https://chicagounbound.uchicago.edu/cjil/vol24/iss1/3>
- Bobko, A. (2022). *Freedom of speech: European tradition and new challenges*. Philosophy and Computing Conference, IS4SI Summit 2021, Online, 12-19 September 2021. Multidisciplinary Digital Publishing Institute Proceedings (MDPI), 81(133), 1-4. <https://doi.org/10.3390/proceedings2022081133>
- Braun, V., & Clarke, V. (2022). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Bruns, A., & Weller, K. (2016). Twitter as a first draft of the present: And the challenges of preserving it for the future. In WebSci '16: Proceedings of the ACM Conference on Web Science. Dari <https://doi.org/10.1145/2908131.2908174>
- Davis, W. (2023). *Implicature: Intention, convention, and principle in the failure of Gricean Theory*. Oxford University Press.
- Fatin Hakimah Mohammad Fadzil, Rozaimah Rashidin & Mohamad Nik Mat Pelet. (2024). Metafora kemurungan dalam media sosial Facebook. *Jurnal Linguistik*, 28(2), 117-135.
- Gohil, H., & Smith, V. (2024). An analysis of algospeak and the dreaded algorithm. *International Journal of Advanced Research*, 12(10), 656-669. <https://dx.doi.org/10.21474/IJAR01/19684>
- Gomathy, C. K., Geetha, V., Vijaysimha, V., & Sreya, P. V. N. S. (2024). Balancing freedom of speech and online content regulation. *International Journal of Scientific Research in Engineering and Management*, 8(3), 1-7. <https://doi.org/10.55041/ijssrem37504>
- Grice, P. (1975). Logic and Conversation. In P. Cole & J. L. Morgan (Eds.), *Syntax and semantics vol. 3: Speech acts* (pp. 41-58). Academic Press, New York.
- Harrell, N., Cruickshank, I., & Master, A. (2024). Overcoming social media API restrictions: Building an Effective Web Scraper. Workshop Proceedings of the 18th International AAAI Conference on Web and Social Media. Dari https://workshop-proceedings.icwsm.org/pdf/2024_72.pdf
- Ichwansyah Tampubolon & Kholidah Kholidah (2024). Freedom of speech and religious expression on social media reviewed from the perspective of ethics and Islamic law. *Pena Justisia: Media Komunikasi dan Kajian Hukum*, 23(3), 1-14. <https://doi.org/10.31941/pj.v23i3.5333>
- Klug, D., Steen, F. F., & Yurechko, M. (2023). How algorithm awareness impacts algospeak use on TikTok. https://dl.acm.org/doi/pdf/10.1145/3543873.3587355?casa_token
- Kouroupis, K., & Vagianos, D. (2021). Freedom of expression and digital rights in social media: Challenges and risks. *Journal of Data Protection & Privacy*, 4(3), 294-302. <https://doi.org/10.69554/KHDXD4928>
- McBride, M., & Mayers, R. S. (2023). Public-School teachers and social media: Understanding free speech and constitutional limitations. *Journal of Student Research*, 11(4), 1-7. <https://doi.org/10.47611/jsr.v11i4.1736>
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2011). Free speech in Malaysia: From feudal and colonial periods to the present. *The Commonwealth Journal of International Affairs and Policy Studies*, 100(416), 531-546. <https://doi.org/10.1080/00358533.2011.609694>
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2013). Balancing freedom of speech and national security in Malaysia. *Asian Politics & Policy*, 5(4), 585-607. <https://doi.org/10.1111/aspp.12065>
- M. S. Nik Puteri Fatin Nor'ain & Maslida Yusof. (2024). Bahasa singkatan dalam komunikasi di media sosial dalam kalangan generasi Z. *Jurnal Linguistik*, 28(2), 75-89.
- Neuvonen, R. (2022). Between public and private: Freedom of speech and platform regulation in Europe. *European Public Law*, 28(4), 515-538. <https://doi.org/10.54648/euro2022025>
- Pitts, L. (2021). Free speech as a tool of self-government: A short story. In S. Jovanovic (Ed.), *Expression in contested public spaces: Free speech and civic engagement* (pp. 9-18). Lexington Books.

- Page, R., Barton, D., Unger, J. W., & Zappavigna, M. (2014). *Researching language and social media: A student guide*. Routledge.
- Paulos, B., & Çelik, S. (2021). The challenges of regulating hate speech on social media in light of the theory of freedom of expression. *Süleyman Demirel Üniversitesi Hukuk Fakültesi Dergisi*, 11(1), 97-134. <https://doi.org/10.52273/sduhfd..922588>
- Psychogiopoulou, E., & Casarosa, F. (2020). Social media before domestic courts in Europe: An analysis of free speech cases. *Maastricht Journal of European and Comparative Law*, 27(6), 791-805. <https://doi.org/10.1177/1023263X20979191>
- Riemer, K., & Peter, S. (2021). Algorithmic audiencing: Why we need to rethink free speech on social media. *Journal of Information Technology*, 36(4), 409-426. <https://doi.org/10.1177/02683962211013358>
- Saidah Fasihah Che Yussoff & Rohaida Nordin. (2021). Freedom of expression in Malaysia: Compatibility with the International Human Rights Standard. *Bestuur Journal of Administrative Law*, 9(1), 34-42.
- Shishir Tiwari & Gitanjali Ghosh. (2014). Social media and freedom of speech and expression: Challenges before the Indian law. Social Science Research Network. Dari <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.2892537>
- Ungless, E. L., Markl, N., & Ross, B. (2024). *Experiences of censorship on TikTok across marginalised identities*. Proceedings of the International AAAI Conference on Web and Social Media (ICWSM 2025). AAAI Press. <https://doi.org/10.48550/arXiv.2407.14164>
- Zankova, B., & Dimitrov, V. (2020). Social media regulation: Models and proposals. *Journalism and Mass Communication*, 10(2), 75-88.
- Zhang, C., & Abdul-Mageed, M. (2022). *Improving social meaning detection with pragmatic masking and surrogate fine-tuning*. In Proceedings of the 12th Workshop on Computational Approaches to Subjectivity, Sentiment & Social Media Analysis (pp. 129–140). Association for Computational Linguistics. <https://aclanthology.org/2022.wassa-1.14/>

Biodata Penulis

Hishamudin Isam, Prof. Madya Dr. di UUM. Berkelulusan Sarjana Muda dan Sarjana dari UM, pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu, sebelum menyambung pengajian peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Linguistik, di UKM. Meminati bidang Semantik, Pragmatik, dan budaya Melayu. Aktif menjalankan penyelidikan dan menerbitkan artikel ilmiah, khususnya berkaitan bahasa dan media baharu.